

Muhammad Hazim & Syed Mohammad Hilmi, "Keseimbangan al-Ashā'irah Dalam Pentafsiran Ayat *al-Jabr* dan Ayat *al-Ikhtiyār*," *Afkār* Vol. 20 Issue 1 (2018): 285-310

KESEIMBANGAN AL-ASHĀ'IRAH DALAM PENTAFSIRAN AYAT AL-JABR DAN AYAT AL- IKHTIYĀR: TUMPUAN TERHADAP PERBAHASAN *AF'ĀL AL- 'IBĀD*¹

**MODERATION OF ASHARITE IN THE INTERPRETATION
OF AL-JABR AND AL-IKHTIYĀR VERSES IN AL-QUR'AN
FOCUSING ON THE DISCOURSE OF *AF'ĀL AL- 'IBĀD***

***Muhammad Hazim Mohd Azhar & Syed Mohammad
Hilmi Syed Abdul Rahman***

Department of `Aqidah & Islamic Thought. Academy of
Islamic Studies. University of Malaya. 50603. Kuala
Lumpur. Malaysia.

Email: smhilmi@um.edu.my

Khulasah

Penulisan-penulisan yang menyentuh perbahasan mengenai konsep takdir, pasti tidak akan terlepas daripada menyentuh dan mengupas firqah-firqah yang wujud akibat daripada faham *Af'āl al- 'Ibād*. Pendebatan dua aliran teologi iaitu aliran *al-Jabariyyah* yang berpandangan bahawa segala yang terjadi telah ditetapkan sehingga memposisikan dimensi hamba sebagai watak pasif yang sekadar 'ditentukan' dengan mengadaptasi beberapa nas yang bersifat *al-Jabr* dalam pembinaan argumentasi mereka. Manakala aliran *al-Qadariyyah* pula beranggapan bahawa segala pilihan dan kelakuan tindakan makhluk adalah mutlak tanpa intervensi Tuhan hanya berhujahkan nas yang bersifat *al-Ikhtiyār*. Kesenjangan kedua-dua aliran ini diselesaikan oleh aliran *al-Ashā'irah* dengan mengemukakan teori *al-Kasb* yang turut menjadi bukti

¹ Sekalung penghargaan buat Tuan Guru Ahmad Ridoudin bin Tuan Guru Haji Abdul Wahab, Mudir Maahad Ihya Ulumiddin, Mengkuang Titi, Bukit Mertajam, Pulau Pinang yang telah menyemak draf makalah ini.

ayat-ayat al-Quran saling tidak bertentangan. Teori tersebut memenuhi piawaian dalam aspek mencari titik temu dan menyelesaikan polemik tafsiran ayat *al-Jabr* dan ayat *al-Ikhtiyār* berkenaan konsep *Af'āl al-'Ibād* sehingga ia turut dibincangkan (mendapat respons) oleh para ulama selepas Abū al-Hasan al-Ash'arī.

Kata kunci: *al-Ashā'irah*; Ayat *al-Jabr*; Ayat *al-Ikhtiyār*; *Af'āl al-'Ibād*; *al-Kasb*.

Abstract

The works which are focusing on the concept of *taqdir*, nevertheless will be discussing about groups which existed due to the understanding of *Af'āl al-'Ibad*. There are debates among the two theological schools, *Jabariyyah* and *Qadariyyah*. The *Jabbariyyah* school states everything happened has been destined, and they portray the creatures as passive characters which are 'determined' by adapting some verses on *al-Jabr* in the construction of their arguments. Meanwhile, the *Qadariyyah* school claims that choice and behavior of the creatures are absolute without God's intervention, but only arguing with the verse of the Qur'an. The disparity of these two schools is solved by the Ash'arite by introducing *al-Kasb* theory which proves that the verses of the Qur'an are not contrary to each other. The theory meets the standards in finding the meeting point and resolving the interpretation polemics of *al-Jabr* and *al-Ikhtiyār* verses on the concept of *Af'āl al-'Ibād* until it was discussed (responded) by the scholars anteceded Abū al-Hasan al-Ash'arī.

Keywords: *al-Ashā'irah*; Ayat *al-Jabr*; Ayat *al-Ikhtiyār*; *Af'āl al-'Ibād*; *al-Kasb*.

Pendahuluan

Perkembangan ilmu kalam sehingga menjadi satu disiplin ilmu yang tersendiri adalah disebabkan penyebaran agama Islam yang semakin meluas kepada bangsa-bangsa asing.

Kepelbagai dan keragaman umat Islam menyebabkan perkara-perkara yang diterima secara imani sebelumnya itu mula dipersoal dan dibincangkan secara lebih rencam. Dalam membahaskan berkaitan *al-Qadā’* dan *al-Qadar* misalnya, berlaku perselisihan faham berkaitan atas pentaklifan, pahala, dosa, penentuan fungsi *Af’āl* Allah dan *Af’āl al-‘Ibād*. Para ulama dan ahli falsafah dari pelbagai kurun sentiasa membincangkan kedudukan manusia sama ada bebas dalam perbuatannya atau ia dibelenggu oleh sesuatu yang lain.

Dari hal ini, wujud banyak persoalan apakah kedudukan manusia dalam menentukan perjalanan kehidupannya selaku ciptaan Tuhan yang sentiasa bersandar kepada kehendak dan kekuasaan mutlak-Nya. Adakah Tuhan memberi kebebasan dan kekuasaan sepenuhnya kepada manusia? Atau manusia sentiasa tertambat secara keseluruhannya dengan kehendak dan kekuasaan Tuhan? Persoalan-persoalan ini yang terkait soal perbuatan manusia sering dipersoal dan diperdebatkan sehingga melahirkan dua aliran yang saling bercanggah iaitu aliran *al-Qadariyyah* dan aliran *al-Jabariyyah*. Aliran *al-Qadariyyah* memfokuskan kepada keautoritarian kehendak dan perbuatan manusia. Hal ini dengan maksud kehendak dan perbuatan manusia adalah bebas tanpa ada campur tangan daripada Tuhan. Manakala aliran *al-Jabariyyah* berpegang bahawa tiada langsung wujud kebebasan di sisi manusia dalam kehendak dan perbuatan.

Kedua-dua aliran ini menguatkan kenyataan mereka dengan mendirikan dalil daripada al-Quran yang difahami dan ditafsir mengikut acuan mereka sendiri. Bagi *al-Qadariyyah*, mereka mengemukakan ayat-ayat al-Quran yang bersifat *al-Ikhtiyār* seperti ayat mengenai bebanan tanggungjawab atas tingkah laku manusia. Begitu juga dengan aliran *al-Jabariyyah* yang mengemukakan ayat al-Quran yang bersifat hakikat seperti ayat penguasaan Tuhan terhadap manusia sepenuhnya. Pertembungan kedua-dua

aliran ini akhirnya dijawab oleh ulama dalam aliran *al-Ashā’irah*. Untuk lebih lanjut, perlu ditelusuri kedua aliran ini kemudian disusuli jawapan terhadap persoalan di atas.

Penghujahan Ayat *al-Ikhtiyār* oleh *al-Qadariyyah* Terhadap Argumentasi Kebebasan *Af’āl al-‘Ibād*

Golongan *al-Qadariyyah* yang dimaksudkan dalam perbincangan ini ialah pengikut Ma’bad al-Juhānī,² dan Ghailān al-Dimasyqī, juga pengikut Waṣil bin ‘Aṭā’ dan ‘Amru bin ‘Ubaīd daripada golongan al-Mu’tazilah.³ Istilah *al-Qadariyyah* berasal daripada kalimah *qadara* yang membawa pengertian berkuasa dan menentukan. Pengertian ini adalah kerana mereka menganggap bahawa makhluk berkuasa sepenuhnya atas setiap perbuatannya serta bebas daripada *Irādah* dan *Qudrah* Tuhan.⁴ Dalam falsafah barat, aliran ini disebut sebagai *free will* dan *free*

² Tidak dapat dipastikan bilakah fahaman *al-Qadariyyah* ini lahir dalam sejarah perkembangan teologi Islam. Namun menurut sebahagian pandangan, ia pertama kali dipelopori oleh Ma’bad al-Juhānī di Baṣrah sekitar tahun 70 Hijrah. Beliau mengambil fahaman ini daripada seorang Nasrani yang memeluk Islam kemudian kembali ke agama asalnya. Semasa pemerintahan ‘Umar ‘Abd al-‘Azīz dari khilafah Bani ‘Umaiyyah, Ghailān al-Dimasyqī menyebarkan ajarannya secara terang-terangan. Beliau mengirimkan sebuah pernyataan tentang takdir kepada khilafah dan beliau dipanggil untuk menjawab tiga soalan daripada al-Auzā’ī dan akhirnya beliau dibunuhi kerana tidak dapat menjawabnya. Ma’bad pula bersekongkol dengan ‘Abd al-Rahman ibn al-Asy’ath melakukan pemberontakan menentang pemerintahan Bani ‘Umaiyyah. Ma’bad akhirnya mati di dalam perperangan dibunuhi al-Hajjaj. Lihat, Nukman Abbas, *al-Asy’ari (874 – 935 M) Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan* (Jakarta: Penerbit Erlangga, 2002), 29; Muhammad Hasan, *al-Imān bi al-Qadā’ wa al-Qadar* (Mesir: Maktabah Fayyād, 2007), 101; Said Haji Ibrahim, *Perbandingan Aqidah dan Fahaman Umat Islam* (Kuala Lumpur: Dar al-Ma’rifah, 1997), 349 dan 356.

³ Muhammad ibn Ibrāhīm al-Ḥamd, *al-Imān bi al-Qadā’ wa al-Qadar* (Riyāḍ: Dār Ibn Khuzaymah, 2007), 262.

⁴ Abū al-Hasan ‘Alī bin Ismā’īl al-Ash‘arī, *al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah* (Dimasyq: Maktabah Dār al-Bayān, 1981), 146.

act.⁵ Ibnū Qutaybah menyatakan golongan ini dinamakan sebagai *al-Qadariyyah* kerana mereka menisahkan takdir hanya pada diri mereka. Mereka juga mendakwa bahawa sesuatu itu adalah terlebih utama bagi diri sendiri berbanding pihak yang menjadikannya.⁶

Golongan *al-Qadariyyah* berpegang bahawa setiap tindakan makhluk adalah berdasarkan kehendak dan kuasa yang ada pada makhluk itu sendiri. Tiada langsung terikat dengan *mashi’ah* Allah. Malah, kudrat makhluk itu sendiri yang memberi bekas walaupun tanpa berhajat kepada kekuasaan Allah.⁷ Abū al-Yazīd menukilkan penyataan Imam Malik mengenai golongan *al-Qadariyyah* iaitu mereka yang menyatakan bahawa kemampuan bergantung kepada diri mereka, apabila mereka menghendaki maka mereka dapat melakukan ketaatan, dan apabila mereka menghendaki maka mereka dapat melakukan kemaksiatan.⁸

Aliran ini lahir daripada fahaman yang berpegang bahawa manusia mempunyai kemampuan untuk merealisasikan kehendaknya tanpa dipaksa untuk tunduk kepada takdir Tuhan dengan menekankan kekuatan dan

⁵ Nukman Abbas, *al-Asy’ari (874 – 935 M) Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*, 3. Lihat juga Robert Kane, *A Contemporary Introduction To Free Will* (New York: Oxford University Press, 2005), 1-2.

⁶ Muhammad ibn Ibrāhīm al-Ḥamd, *al-Īmān bi al-Qaḍā’ wa al-Qadar*, 262. Menurut al-Jurjānī, golongan *al-Qadariyyah* adalah mereka yang berpegang bahawa hamba merupakan pencipta bagi perbuatan mereka sendiri tanpa melihat berlakunya kekufuran dan maksiat adalah dengan takdir Allah. Lihat, ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta’rīfāt* (Singapura: al-Haramain, 1980), 174.

⁷ Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī, *al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah*, 146; ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maidānī, *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah wa Ususuhā* (Beirūt: Dār al-Qalam, 1979), 744; Yūsuf al-Qaraḍawī, *al-Īmān bi al-Qadar* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2000), 14; Said Haji Ibrahim, *Perbandingan Aqidah dan Fahaman Umat Islam*, 349.

⁸ Abū al-Yazīd Abū Zaid, *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah ‘Inda al-Fuqahā’ al-Arba’ah* (Kaherah: Dār al-Salām, 2007), 280

kebebasan perbuatan manusia.⁹ Mereka mensabitkan kehendak dan kemampuan makhluk secara ekstrem sehingga menolak *Irādah* Allah secara total. Malah perbuatan makhluk tiada hubungan langsung dengan *Af’āl* Allah dengan maksud perbuatan makhluk bukanlah ciptaan Allah.¹⁰

Bagi mereka, perbuatan makhluk bukanlah makhluk Allah kerana makhluk itulah sendiri yang mencipta perbuatan tersebut. Perbuatan-perbuatan dosa itu terletak pada makhluk, bukan dengan kehendak Allah.¹¹ Sebahagian daripada mereka pula mengingkari ilmu Allah serta menghadkan *Irādah* dan *Qudrah*-Nya.¹² Mereka berpegang bahawa Allah tidak mengetahui perbuatan manusia melainkan ia telah terjadi.¹³

⁹ Harun Nasution, *Teologi Islam: Aliran-aliran Sejarah Analisa Perbandingan*, (Jakarta: Yayasan Penerbit Universitas Indonesia, 1972).

¹⁰ Said Haji Ibrahim, *Perbandingan Aqidah dan Fahaman Umat Islam*, 349.

¹¹ Muhammad ibn Ibrāhīm al-Ḥamd, *al-Īmān bi al-Qadā’ wa al-Qadar*, 262.

¹² Muhammad ibn Ibrāhīm al-Ḥamd, *al-Īmān bi al-Qadā’ wa al-Qadar*, 262. Menurut al-Nawawi, *al-Qadariyyah* terbahagi kepada dua aliran. Aliran pertama adalah aliran yang menganggap manusia mempunyai kehendak dan kuasa yang bebas untuk melakukan sesuatu perbuatan. Aliran ini mengatakan bahawa Allah tidak mentakdirkan pun segala sesuatu bahkan Allah tidak mengetahuinya kecuali selepas ia terjadi. Walau bagaimanapun golongan ini dan faham mereka tidak wujud lagi. Aliran kedua pula adalah aliran yang menganggap segala kebaikan daripada Allah, manakala keburukan daripada manusia sendiri dan dalam masa yang sama tidak menafikan takdir. Aliran kedua ini juga tidak menafikan bahawa Allah mengetahui segala sesuatu sebelum kewujudannya. *al-Qadariyyah* ini juga dikenali sebagai *al-Mu’tazilah*. Lihat, Abū Zakaria Muhyī al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī, *Sharḥ al-Nawawī ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, 1392h), 1:154. Lihat juga, Nūr al-Dīn Alī al-Qāri, *tahqīq Abd al-Salām bin Abd al-Hādi, Dau’ al-Ma’ālī ‘Alā Manzūmah Bad’ al-Amālī* (Dimashq: Dār al-Bayrūti, 2011), 46.

¹³ Bagi mereka, Allah tidak mengetahui siapa yang melakukan ketaatan dan siapa yang melakukan maksiat, siapa yang akan masuk syurga dan

Mereka ini telah dikenali sebagai golongan Majusi bagi umat Islam kerana mereka sepakat dengan golongan Majusi dengan mengatakan kewujudan dua tuhan. Rasulullah SAW sendiri pernah mencela golongan ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Huzaifah dengan sabdanya:

“Setiap umat ada golongan majusinya, dan majusi umatku adalah mereka yang menyatakan tidak wujud takdir. Sesiapa dalam kalangan mereka yang mati, janganlah kamu saksikan jenazahnya, dan jika lau sesiapa dalam kalangan mereka yang sakit, janganlah kamu menziarahinya. Mereka ini adalah pembantu dajjal dan semoga Allah menghimpunkan mereka bersamanya (dajjal).¹⁴

Celaan nabi kepada golongan yang menafikan takdir Allah ini merujuk kepada golongan *al-Qadariyyah*.¹⁵ Rasulullah SAW mengaitkan Majusi dan *al-Qadariyyah* adalah kerana golongan *al-Qadariyyah* seakan menganggap kewujudan dua tuhan iaitu Tuhan sebenar yang hanya mencipta kebaikan dan tuhan yang merujuk diri sendiri yang bebas menentu dan melakukan apa sahaja sama ada baik atau buruk tanpa lingkungan takluk *Irādah* dan *Qudrah* Tuhan sebenar. Konsep ini ada pada Majusi

siapa yang akan masuk ke neraka. Lihat, Muḥammad Ḥasan, *al-Īmān bi al-Qadā’ wa al-Qadar*, 101-103. Lihat juga, Said Haji Ibrahim, *Perbandingan Aqidah dan Fahaman Umat Islam*, 352-353.

¹⁴ Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī, *al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah*, 145. Hadith riwayat Abu Daud, *Kitāb al-Sunnah*, Bāb fī al-Qadr, no. Hadith 4692. Lihat, Abū Daud Sulaimān ibn Asy‘ath, “Sunan Abī Daud,” dalam *Mausū‘ah al-Hadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Al al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2000), 1567. Lihat juga hadith yang hampir sama diungkap oleh Nabi daripada Ibnu Umar, “Golongan *al-Qadariyyah* merupakan Majusi bagi umat ini (Islam). Jikalau mereka sakit, jangan kamu menziarahi mereka. Jikalau mereka mati, jangan kamu saksikan mereka.” no. Hadith 4691. *Ibid.*

¹⁵ Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī, *al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah*, 145.

yang menganggap alam ini juga mempunyai dua tuhan iaitu tuhan cahaya yang mencipta kebaikan dan tuhan kegelapan yang mencipta kejahanatan.¹⁶

Aliran ini mendakwa bahawa segala perbuatan manusia adalah terlepas daripada *Irādah* Allah dan hanya bergantung kepada keinginan manusia semata. Sehingga setiap perbuatan berasal daripada manusia itu sendiri tanpa sandaran langsung daripada Allah sama ada perkara yang bersifat penetapan atau penciptaan.¹⁷ Pada kemuncaknya, perkara ini membawa konotasi penafian takdir atau peniadaan fungsi takdir yang telah ditetapkan oleh Allah sejak azali. Manusia pula bebas secara mutlak dalam memilih untuk melakukan kebaikan atau keburukan.

Kesesatan *al-Qadariyyah* ini pada asalnya ingin mentanzihkan Allah daripada keburukan sehingga menafikan perbuatan maksiat yang dilakukan oleh makhluk adalah daripada Allah¹⁸ dengan menyatakan bahawa makhluk itu sendiri merupakan pencipta kepada perbuatan mereka. Dakwaan tersebut akhirnya menjerumuskan diri mereka kepada penafian takdir Allah.¹⁹

Antara kenyataan mereka ini dapat dilihat daripada salah seorang tokoh mereka iaitu ‘Abd al-Jabbār al-Hamzānī yang menukilkan semua ahli adil telah bersepakat

¹⁶ Penggunaan huruf “T” pada beberapa perkataan “Tuhan” sengaja dibiarkan dalam keadaan kecil kerana bukan merujuk kepada Tuhan yang sebenar.

¹⁷ Said Haji Ibrahim, *Perbandingan Aqidah dan Fahaman Umat Islam*, 349-350.

¹⁸ Maksudnya daripada takdir dan ciptaan Allah SWT kerana hanya Allah yang berhak mencipta segala sesuatu tetapi manusia yang memilih dan berusaha untuk melakukan maksiat tersebutlah yang bersalah. Ini kerana setiap Muslim tidak dibenarkan menjadikan takdir sebagai hujan untuk melakukan maksiat keran takdir tersebut tidak diketahui oleh manusia.

¹⁹ Muhammed ibn Ibrāhīm al-Hamd, *al-Īmān bi al-Qaḍā’ wa al-Qadar*, 64. Lihat juga Nukman Abbas, *al-Asy’ari (874 – 935 M) Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*, 41.

akan segala perbuatan makhluk adalah baharu dari sudut makhluk tersebut. Allah telah menentukan perbuatan tersebut, tetapi bukanlah Allah yang menciptakan dan memperbaharuiinya.²⁰

Berdasarkan apa yang para ulama telah sifatkan mengenai aliran fahaman ini, *al-Qadariyyah* difahami sebagai satu aliran dalam disiplin ilmu kalam yang berpegang bahawa makhluk mempunyai kebebasan yang mutlak tanpa ada campur tangan daripada Tuhan. Setiap perbuatan dan ikhtiar makhluk adalah lahir daripada kehendak dan kuasa diri sendiri. Oleh itu, *al-Qadariyyah* berasal daripada pengertian bahawa makhluk mempunyai kekuatan sendiri untuk memenuhi kehendaknya dan menolak pengertian makhluk tertakluk kepada takdir Allah. Mereka sangka bahawa segala yang berlaku adalah bersifat spontan tanpa ditentukan oleh Allah.

Bagi *al-Qadariyyah*, pegangan mereka bukanlah hanya pengagungan kepada penggunaan akal semata dan tidak didasari dengan nas, tetapi ia berdiri di atas dalil nas al-Quran yang kuat. Hal ini dapat dilihat melalui himpunan dakwaan dan dalil-dalil al-Quran yang digunakan oleh golongan *al-Qadariyyah* dalam menegakkan kenyataan mereka. Mereka menghujahkan nas yang mensabitkan *mashi’ah* yang wujud pada makhluk seperti al-Muddathir 74:37, al-Takwīr 81:28 dan al-Kahfi 18:29. Aliran ini turut mempertikaikan kerelevanannya kewujudan pembalasan kepada manusia di hari akhirat seperti dalam al-Sajdah 32:17 dan al-Tawbah 9:82 jika makhluk tidak mempunyai pilihan dan kuasa secara mutlak. Begitu juga dengan ayat al-Quran yang menerangkan bahawa manusia ada yang

²⁰ ‘Abd al-Jabbār al-Hamzānī, *al-Mughnī fī Abwāb al-Tauḥīd wa al-‘Adl* (Kaherah: Wazārat al-Irsyād al-Qawmī, t.t), 2:340. Walaupun pada persoalan akidah ‘Abd al-Jabbār al-Hamzānī berpegang pada aliran *Mu’tazilah*, namun pada persoalan fiqh, beliau berpegang pada mazhab Syafi’i. Lihat Mohd Radhi Ibrahim, “Al-Qādi ‘Abd al-Jabbār,” *Jurnal Usuluddin* 13, (2001), 3.

beriman dan ada yang kufur. Ada yang taat pada perintah Allah dan ada yang mengingkarinya seperti dalam al-Nisā’ 4:39, al-Baqarah 2:28, al-Isrā’ 17:94 dan Ali-‘Imrān 3:71.²¹

Mereka mempersoalkan, jika la hamba bukan pelaku dan pencipta perbuatan mereka, maka semua ayat al-Quran yang berkisar mengenai pembalasan di akhirat adalah tidak benar.²² Menurut mereka lagi Allah telah menjanjikan ganjaran pada amal kebaikan dan seksaan pada amal keburukan. Jika Allah telah menetapkan segalanya, atas pentaklifan atau pemberian tanggungjawab yang berkait soal pahala dan dosa juga tiada peranannya. Keadilan Allah hanya wujud apabila hamba mempunyai kebebasan untuk memilih dan bertindak.²³

Penghujahan Ayat Hakikat oleh *al-Jabariyyah* Terhadap Argumentasi Keterpaksaan *Af’āl al-‘Ibād*

Perkataan *al-Jabariyyah* itu sendiri dari sudut bahasa berasal daripada perkataan *jabara* yang membawa maksud “paksaan”. Manakala di dalam falsafah barat, ia diistilahkan sebagai *fatalism* dan *predestination*.²⁴ Seperti maksud namanya, *al-Jabariyyah* dalam disiplin ilmu kalam dikenali sebagai satu aliran yang berpegang bahawa setiap perbuatan makhluk itu adalah *majbūr* iaitu dipaksa oleh

²¹ Muhammad ibn Ibrāhīm al-Hamd, *al-Īmān bi al-Qadā’ wa al-Qadar*, 265-266.

²² *Ibid.*, 266. Namun seharusnya ayat-ayat al-Quran tersebut diseimbangkan dengan nas yang mensabitkan takdir Allah dan kemudian ditafsirkan menggunakan metodologi yang telah ditetapkan oleh jumhur ulama, bukan menundukkanya mengikut akal dan hawa nafsu.

²³ Nukman Abbas, *al-Asy’ari (874 – 935 M) Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*, 9.

²⁴ Nukman Abbas, *al-Asy’ari (874 – 935 M) Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*, 3. Lihat juga Robert Kane, *A Contemporary Introduction To Free Will*, 147.

Allah tanpa dikurniakan langsung ikhtiar dan usaha bersamanya.²⁵

Golongan *al-Jabariyyah* berasal dari aliran *al-Jahmiyyah* iaitu pengikut Jahm bin Ṣafwan.²⁶ Beliau pernah berguru dengan al-Ja’d bin Dirham yang berfahaman *al-Jabariyyah*.²⁷ Mereka adalah golongan yang benar-benar menafikan *irādah* dan *ikhtiār* yang terdapat pada manusia.²⁸

Banyak karya-karya ulama silam yang mendedahkan tentang fahaman aliran *al-Jabariyyah* dan kesesatannya. Misalnya karya *al-Farq bayn al-Firaq* oleh ‘Abd al-Qāhir al-Baghdādī yang menukilkan kata-kata kelompok ini dengan kata mereka, “*lā fi’l, wa lā ‘amal li aħad ghair Allah*” (Tiada perbuatan bagi sesuatu melainkan ia adalah

²⁵ Menurut al-Jurjānī, *al-Jabariyyah* merupakan golongan yang menyandarkan perbuatan hamba kepada Allah dan ia terbahagi kepada dua. Pertamanya, mensabitkan *al-Kasb* pada diri hamba ketika melakukan perbuatan iaitu *al-Ash’ariyyah*. Keduanya, tidak mensabitkannya iaitu *al-Jahmiyyah*. Lihat ‘Alī bin Muhammad al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta’rifāt*, 74. Pada bahagian ini, *al-Jabariyyah* yang dimaksudkan merujuk kepada aliran yang kedua.

²⁶ Pada asalnya, fahaman *al-Jabariyyah* ini mula diperkenalkan oleh al-Ja’d ibn Dirham, namun ketika itu belum lagi disebarluaskan. Setelah beberapa ketika, Jahm bin Ṣafwān yang mempelajari fahaman ini daripada beliau telah menyebarkan fahaman ini sehingga aliran *al-Jabariyyah* turut dikenali sebagai aliran *al-Jahmiyyah*. Akibat Jahm bin Ṣafwān kerap melawan kerajaan Bani Umayyah, beliau telah ditangkap dan dibunuh pada tahun 131 Hijrah.

²⁷ Nukman Abbas menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan lahirnya aliran *al-Jabariyyah* adalah keadaan orang Arab yang hidup di daerah padang pasir yang tandus yang menyebabkan mereka cenderung bersikap fatalisme dan tidak bersemangat untuk membangunkan negeri sebelum Islam datang. Di samping itu, wujudnya hubungan langsung antara Arab Islam dengan tokoh-tokoh agama lain serta munculnya karya-karya tulisan tokoh non-Muslim atau golongan *zindiq* yang bertujuan meracuni akidah umat Islam. Lihat Nukman Abbas, *al-Asy’ari (874 – 935 M) Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*, 25.

²⁸ ‘Abd al-Rahmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maidānī, *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, 743.

perbuatan Allah). Apabila dinisahkan perbuatan kepada makhluk ia adalah sekadar *majāzī* (kiasan) sahaja.²⁹

Al-Shahrastānī juga pernah menyatakan antara pandangan aliran *al-Jahmiyyah* mengenai *al-Qudrah al-Hadīthah* iaitu kekuatan yang ada di sisi makhluk. Bagi mereka, manusia tiada langsung kuasa terhadap sesuatu dan tidak disifatkan dengan kemampuan. Setiap perbuatan manusia itu ‘dipaksa’ oleh Allah. Manusia itu tidak dianugerahkan kuasa, kehendak dan ikhtiar. Allah mencipta perbuatan manusia dan tidak ada bezanya dengan ciptaan *jamadāt*. Perbuatan manusia itu dinisahkan kepada Allah secara *majāzī* seperti mana dinisahkan kepada keseluruhan makhluk *jamadāt* seperti membesarnya pokok, mengalirnya air, bergeraknya batu, peredaran matahari dan lain-lain. Bagi mereka, pahala dan dosa tiada nilainya kerana ia juga merupakan keterpaksaan seperti mana perbuatan makhluk juga adalah dipaksa. Pensabitan ‘dipaksa’ kepada perbuatan makhluk membawa maksud pentaklifan juga menjadi ‘dipaksa’.³⁰

Jelas dari pernyataan di atas bahawa golongan *al-Jabariyyah* mendakwa bahawa:

- 1- Perbuatan manusia tidak wujud.
- 2- Semua perbuatan adalah perbuatan Allah semata-mata. Allah merupakan sebenar-benar pelaku kepada semua perbuatan manusia.
- 3- Perbuatan yang nampak terzahir daripada manusia pula hanya merupakan penisbahan *majāzī* kepada manusia itu seperti pergerakan pokok dan peredaran matahari.
- 4- Allah mencipta kehendak dan kekuatan yang ada pada manusia sedangkan semua kehendak hanya terletak pada Allah dan dikawal olehNya.

²⁹ Abd al-Qāhir bin Ṭāhir al-Baghdādī, *al-Farq baina al-Firaq* (Beirūt: Dār al-Ma’rifah, 1997), 211.

³⁰ Abū al-Fath Muḥammad ibn ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāl* (Kaherah: Mu’assasat al-Halabi, 1968), 1: 87.

Aliran ini terlalu ekstrem dalam mensabitkan takdir Allah dan menolak wujudnya kehendak dan pilihan pada makhluk. Manusia hanya dikemudikan, tidak mempunyai keinginan dan kemampuan. Bagi mereka tidak wujud klasifikasi perbuatan makhluk *idtirari* dan *ikhtiari*,³¹ keduanya adalah sama sahaja telah ditentukan tanpa wujud campur tangan langsung daripada makhluk itu sendiri. Sedangkan menurut akal yang sihat manusia mampu membezakan antara keduanya.

Akibat terlalu obses dalam mensabitkan takdir, fahaman ini menafikan serta menolak pilihan, usaha dan ikhtiar yang wujud pada manusia seterusnya menyerahkan segalanya kepada nasib dan takdir yang telah ditetapkan oleh Allah semata.³² Niat mereka adalah ingin membersihkan Allah dari sifat lemah. Namun hakikatnya mereka telahpun menyandarkan kelemahan kepada Allah kerana menisbahkan sesuatu kekurangan kepada Allah dan membersihkan diri mereka dari berbuat salah.³³

Aliran *al-Jabariyyah* juga berpegang bahawa segala takdir yang ditetapkan Allah langsung tidak memberi ruang dan peluang kepada kebebasan manusia untuk melakukan pilihan. Manusia tidak mempunyai kebebasan dalam setiap perbuatannya. Perbuatan tersebut hanyalah dilakukan

³¹ Perbuatan *idtirari* ialah perbuatan makhluk di luar kehendak dan pilihan makhluk seperti menggil dan denyutan nadi. Perbuatan *ikhtiari* ialah perbuatan makhluk di atas kehendak dan pilihan makhluk. Lihat, Muhammad bin 'Abd al-'Aziz al-Shai', *Arā' Ibn Hajar al-Haitamī al-Itiqadiyyah* (Riyāḍ: Maktabah Dār al-Minhāj, 2007), 589. Lihat juga Muṣṭafā Sa'īd al-Khan dan Muḥyī al-Dīn Dīb Mistū, *al-'Aqīdah al-Islāmiyyah: Arkānuhā - Haqāiquhā - Mufsidātuhā* (Damsyiq: Dār al-Kalim al-Tayyib, 1999), 463-464.

³² Bagi mereka, setiap makhluk itu diibaratkan seperti kapas yang berterbang mengikut arah tiupan angin. Mereka menyatakan bahawa perbuatan manusia seperti solat, puasa, bunuh, mencuri adalah sama juga seperti timbulnya matahari dan tiupan angin.

³³ Nukman Abbas, *al-Asy'ari (874 – 935 M) Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*, 41.

seperti mana yang telah ditakdirkan oleh Allah. Oleh itu, bagi mereka seseorang menjadi muslim atau kafir adalah kerana takdir Allah, bukannya atas pilihan manusia itu sendiri. Berbeza dengan aliran yang hak, Allah seperti salah satu namanya iaitu *al-Jabbār* yang membawa maksud kekuatan yang menyeluruh dan sempurna tetapi kekuatan tersebut disertai keadilan dan kasih sayang dan tidak akan sesekali berlaku zalim.³⁴

Seperti mana aliran *al-Qadariyyah*, aliran *al-Jabariyyah* turut melakukan falasi dalam menafsirkan nas sebagai usaha mereka mendirikan hujah di atas pendirian mereka. Mereka berdalilkan ayat-ayat yang menunjukkan bahawa Allah merupakan pencipta bagi setiap sesuatu (al-Zumar 39:62, al-An‘ām 6:102 dan Fātīr 35:3). Ayat seumpama ini menunjukkan bahawa Allah satu-satunya pencipta bagi setiap sesuatu, tiada pencipta lain selain-Nya. ‘Setiap sesuatu’ itu merangkumi juga perbuatan makhluk. Jadi, ia juga merupakan ciptaan Allah. Makhluk tiada kehendak dan kuasa pada perbuatan mereka. Makhluk dipaksa tanpa ada di sisi mereka pilihan langsung.³⁵

Mereka juga menyandarkan ayat-ayat yang mensabitkan *mashī’ah* hanya pada Allah (al-Insān 76:30, al-Qaṣāṣ 28:68, al-Takwīr 81:29 dan al-Muddathir 74:31). Ini dengan maksud tiada *mashī’ah* pada manusia melainkan ia di bawah *mashī’ah* Allah jua. Memang tidak dinafikan, dalam al-Quran banyak menghabarkan *mashī’ah* Allah. Namun bagi golongan *al-Jabariyyah*, hanya Allah yang berkehendak dan menentukan, Dia juga yang memberi hidayah dan memberi kesesatan, dalam masa yang sama *irādah* makhluk pula bersifat negatif. Di samping itu, mereka turut berdalilkan ayat-ayat yang menafikan perbuatan kepada hamba dan mensabitkannya hanya

³⁴ ‘Alī Muhyī al-Dīn al-Qarāḥī Dāghī, *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah* (Rabat: ISESCO, 1995), 46.

³⁵ ‘Abd al-Rahmān Ṣāliḥ Maḥmūd, *al-Qadā’ wa al-Qadar fī Daw’ al-Kitāb wa al-Sunnah* (Kūwait: Dār al-Waṭān, 1997), 328-331.

kepada Allah (al-Anfāl 8:17 dan al-Nisā' 4:78).³⁶ Ayat-ayat seperti ini menjadi dalil bagi aliran *al-Jabariyyah* untuk menafikan *irādah* dan perbuatan yang wujud pada manusia.

Selain nas al-Quran, mereka menguatkan hujah mereka dengan pendalilan akliah dengan menyatakan bahawa Allah telah mengetahui dan menentukan akan kewujudan perbuatan hamba sejak azali lagi. Keadaan tersebut berhubungan dengan *Qudrah* Allah yang sentiasa mewujudkan perbuatan hamba tersebut. Setiap perbuatan hamba itu adalah dengan ketentuan dan *Qudrah* Allah. Hamba hanyalah dipaksa untuk melakukan perbuatan tersebut.³⁷

Keseimbangan *al-Ashā'irah* Terhadap Ayat Hakikat dan Ayat *al-Ikhtiyār* Melalui Teori *al-Kasb*

Aliran *al-Ashā'irah* merupakan satu himpunan ulama Islam muktabar yang menjadi ikutan majoriti umat Islam. Bermula dengan ketokohan Abū al-Hasan al-Ash‘arī yang mengemukakan hujah pendalilan dalam mematahkan hujah aliran Mu'tazilah di samping turut mendirikan teori-teori teologi Islam. Setelah kewafat beliau pada tahun 324H, ramai ulama *al-Ashā'irah* terkemudian telah mengembangkan prinsip-prinsip pemikiran yang digagaskan oleh beliau di antaranya adalah al-Bāqillānī, al-Isfirāyīnī, Abu Ishaq al-Shirāzī, al-Haramain Abū al-Ma'ālī al-Juwainī, Abū Hāmid al-Ghazālī, Tāj al-Dīn al-Shahrastānī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī, Saif al-Dīn al-Amidī, al-

³⁶ Menurut fahaman *al-Jabariyyah*, ayat ini sebagai dalil pembuktian bahawa tidak wujud kehendak dan kuasa di sisi manusia. Sedangkan ayat tersebut mengenai keadaan orang-orang beriman ketika dalam perang Badar sebagaiman Allah telah menurunkan para malaikat bagi membunuh tentera-tentera musuh. Ia sebagai pemberitahuan bahawa bukan hanya orang Islam yang menyertai perang tersebut, malah para malaikat pun turut sama. Lihat Muḥammad ibn Ibrāhīm al-Ḥamd, *al-Īmān bi al-Qaḍā' wa al-Qadar*, 300.

³⁷ *Ibid.*

Sanūsi, ‘Adud al-Dīn al-Ījī, Sa’d al-Dīn al-Taftazānī, al-Jurjānī, al-Baijūrī dan ramai lagi.³⁸

Terkait isu *af’āl al-ibād*, *al-Ashā’irah* menolak dakwaan dua golongan, pertamanya yang ekstrem dalam mensabitkan keautoritian pilihan dan kehendak tanpa terikat dengan takdir iaitu aliran *al-Qadariyyah* dan keduanya yang ekstrem dalam mensabitkan takdir sehingga tiada langsung wujud kebebasan di sisi manusia dalam kehendak dan perbuatan iaitu aliran *al-Jabariyyah*.

Pandangan *al-Qadariyyah* dapat dipatahkan melalui banyak nas yang menyentuh berkenaan konsep *al-Khalq* dan *al-Mashī’ah*, contohnya, *al-Takwīr* 81:28-29. Ditambah lagi dengan nas berkenaan penciptaan perbuatan makhluk dan iman kepada takdir yang tidak menafikan kehendak makhluk. Terdapat juga nas mengenai hikmah penciptaan maksiat dan takdir (*al-Naml* 27:88). Paling jelas adalah ayat 96 dalam surah *al-Saffat* yang bermaksud, “*Padahal Allah yang mencipta kamu dan perkara yang kamu buat itu*”.

Berdasarkan ayat ini dengan jelas kita dapat memahami bahawa perbuatan makhluk itu pun juga merupakan ciptaan Allah dan apa yang wujud pada makhluk hanyalah *al-Kasb*. Setiap perbuatan makhluk adalah daripada Allah yang mencipta dan menjadikan perbuatan tersebut. Dengan erti kata lain, kehendak dan kekuasaan Allah adalah mutlak dan tidak terbatas.

Al-Ash’arī dalam *al-Ibānah* mengemukakan pendalilan akliah dalam menolak golongan ini dengan mengajukan persoalan adakah boleh Allah memberi ilmu kepada hamba-Nya dalam keadaan diri-Nya tiada ilmu? Pasti mereka akan mengatakan ianya adalah perkara yang mustahil. Dari itu, begitulah juga halnya dalam persoalan kekuasaan manusia, mustahil Allah memberi kuasa pada

³⁸ Muḥammad Imārah, *Tayyarāt al-Fikr al-Islām* (Kaherah: Dār al-Syurūq, 2011), 165-175.

manusia sedangkan Dia lemah.³⁹ Al-Baijūrī turut menolak dakwaan mereka dengan menghujahkan *kam munfaṣil* pada perbuatan Allah adalah ternafi. Apa yang ada hanyalah di atas wajah *ijād*. Manakala apa yang dinisbahkan padanya termasuklah perbuatan makhluk hanyalah di atas wajah *kasb* dan *ikhtiār*.⁴⁰

Berkaitan persoalan keadilan Allah, sepatutnya nilai keadilan pada Tuhan dan pada makhluk harus dibezakan. Penulis berpendapat bahawa Allah SWT Pencipta yang tidak diketahui hakikatNya sudah tentu berlainan setiap aspek dengan manusia yang dicipta. Segala perbuatan Allah yang Maha Bijaksan juga sudah tentu berlainan dengan perbuatan manusia yang serba lemah. Dalam konteks ini, walaupun pada pemikiran akal manusia sebahagian perbuatan Allah itu kelihatan zalim, namun pada hakikatnya ia adalah keadilan yang hakiki. Ini kerana perbuatan Allah adalah bersifat kewenangan yang mutlak dengan erti yang sebenarnya dan Allah SWT tidak sekali-kali menzalimi hambaNya.

Al-Jabariyyah pula, walaupun dari satu aspek terdapat dalil al-Quran dan Hadis yang menyokong pendapat mereka, ia bukanlah bermaksud fahaman itu satu pandangan yang menepati kehendak akidah Islam. Malah fahaman ini boleh menyebabkan umat Islam menjadi lemah dan lembab dalam segala hal. Berkenaan hujah mereka yang menggunakan ayat-ayat al-Quran tentang pencipta setiap sesuatu hanyalah Allah. Namun ayat tersebut tidak menetapkan ketiadaan kehendak, kuasa dan perbuatan yang wujud pada diri hamba. Di manakah kefahaman mereka terhadap ayat-ayat tersebut yang menafikan perbuatan yang wujud pada diri hamba? Hujah pendalilan ayat al-Quran ini tidak menafikan kewujudan *irādah* dan *qudrah* yang wujud

³⁹ Abū al-Hasan al-Ash‘arī, *al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah*, 133.

⁴⁰ Burhan al-Dīn Ibrāhīm al-Baijūrī, *Tuhfah al-Murīd Ḥāsyiah al-Baijūrī ‘alā Jauharah al-Tauḥīd* (Kaherah: Dār al-Salām, 2015), 114.

pada diri hamba, bahkan ia sebagai hujah bagi mensabitkan bahawa Allah sebagai pencipta.⁴¹ Berkenaan hujah mereka yang menggunakan ayat-ayat al-Quran dalam mensabitkan *mashi’ah* hanya pada Allah, seharusnya ia diseimbangkan dengan ayat-ayat yang menunjukkan pengisbatan *mashi’ah* pada diri hamba.⁴²

Secara umum menurut *al-Ashā’irah*, manusia diberi kebebasan pilihan dan kehendak untuk membuat pilihan atau melakukan sesuatu. Dalam masa yang sama, Allah telah menetapkan takdir segalanya termasuklah perbuatan manusia. Jadi, kedudukan manusia dalam perbuatannya menurut *Ahl al-Haq* bukanlah sebagai *fā’il khāliq* iaitu pelaku yang mencipta tetapi sebagai ia adalah *muktasib* iaitu yang berusaha menghasilkan perbuatan itu⁴³. Bagi memahami hubungan kehendak Allah dan perbuatan manusia ini, *al-Ashā’irah* mengemukakan teori *al-Kasb* iaitu hubungan di antara pihak manusia yang tetap mempunyai ikhtiar dan usaha serta ‘pihak’ Allah yang menguasai secara mutlak dan tidak terbatas. *Al-Kasb* adalah kebergantungan kehendak dan kuasa manusia kepada perbuatan yang terjadinya itu ditakdirkan oleh Allah pada hakikatnya.

Dalam *al-Ta’rifāt*, al-Jurjānī mendefinisikan *al-Kasb* sebagai penyokong kepada pembawaan manfaat atau penolakan mudarat.⁴⁴ Menurut beliau lagi di dalam *Sharḥ al-Mawāqif*, perbuatan hamba sama ada *iḍtirārī* atau *ikhtiārī* adalah ciptaan Allah yang bersifat baharu. Posisi hamba hanyalah mengusahakannya sahaja.⁴⁵ Al-Asfahānī

⁴¹ *Ibid.*

⁴² *Ibid.*

⁴³ Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘īl al-Ash‘arī, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, (Wiesbaden, Germany: Helmut Ritter Franz Steez House, 1980), 539.

⁴⁴ ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta’rifāt*, 184.

⁴⁵ ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, *Sharḥ al-Mawāqif* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 163.

pula menyatakan bahawa *al-Kashb* merupakan sesuatu yang dilakukan oleh manusia yang padanya membawa kemanfaatan dan menghasilkan kebahagian seperti usaha mencari harta. Terkadang juga digunakan pada sesuatu yang manusia sangkakan ia membawa manfaat akan tetapi mendatangkan mudarat.⁴⁶

Menurut Ḥasan Ḥabannakah al-Maidānī, terdapat dua bentuk *al-Kashb* yang wujud pada diri hamba. Pertama, *al-Kashb al-Ījābī* iaitu kehendak mukallaf untuk melakukan sesuatu sama ada melalui badan jasmani, jiwa ataupun fikiran yang merangkumi ketaatan seperti menunaikan solat dan maksiat seperti melakukan zina. Kedua, *al-Kashb al-Salbī* iaitu iaitu kehendak mukallaf untuk meninggalkan sesuatu sama ada melalui badan jasmani, jiwa ataupun fikiran yang merangkumi ketaatan seperti meninggalkan zina dan maksiat seperti meninggalkan solat.⁴⁷

Ikhtiyār dan *Kashb* yang wujud di sisi manusia tidak dapat memberi bekas, kedudukannya hanya sebagai sebab sahaja kerana segala makhluk termasuklah juga perbuatan, *ikhtiyār* dan *Kashb* merupakan ciptaan Allah. Perbuatan yang wujud sebagai perbuatan Allah dengan erti yang sebenar, manakala perbuatan makhluk dalam erti yang *majazi* sahaja.⁴⁸ Setiap kejadian alam ini telah disistemkan oleh Allah melalui sistem hubungan sebab dan akibat, hakikatnya ia ditentukan dan dilaksanakan oleh Allah.⁴⁹

⁴⁶ Tambah al-Asfahānī lagi, *al-Kashb* adalah lebih umum kerana ia mengambil manfaat untuk diri sendiri dan untuk orang lain. Manakala perkataan *al-iktisāb* (الإكتساب) pula hanya sesuatu usaha bermanfaat untuk diri sendiri sahaja. Jadi setiap *iktisāb* adalah *kashb* dan bukan semua *kashb* adalah *iktisāb*. Lihat, al-Raghib al-Asfahānī, *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qurān*, (Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t), 430.

⁴⁷ ‘Abd al-Rahmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maidānī, *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, 613-615.

⁴⁸ *Ibid.*, 745. Lihat juga, Nukman Abbas, *al-Asy’ari (874 – 935 M) Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*, 7.

⁴⁹ Muṣṭafā Dīb al-Bughā, *Nizām al-Islām fī al-‘Aqīdah wa al-Akhlāk wa al-Tasyrī*’ (Damsyiq: Dār al-Muṣṭafā: 2006), 24-25.

Misalnya sesuatu itu terbakar apabila ia bersentuhan dengan api. Bukanlah api yang memberi bekas dengan membakar, tetapi Allah yang telah membakarnya. Kedudukan api hanyalah sebagai sebab sahaja. Allah boleh membakar sesuatu tanpa dengan api. Keadaan api yang membakar sesuatu hanyalah sekadar atas jalan ‘ādah (adat kebiasaan) sahaja.

Berbeza dengan aliran *al-Qadariyyah* yang mengatakan perbuatan manusia diwujudkan oleh manusia itu sendiri tanpa hubung kait dengan Tuhan, aliran *al-Ash‘ariyyah* berdasarkan teori *al-Kashb* berpegang bahawa perbuatan manusia juga merupakan ciptaan Tuhan. Teori *al-Kashb* tersebut adalah berlandaskan firman Allah:⁵⁰

﴿وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ﴾^{٩٦}

Terjemahan: Padahal Allah yang mencipta kamu dan perkara yang kamu buat itu.

Al-Şaffāt 37: 96

Doktrin *Ashā’irah* sangat jelas berkenaan konsep takdir yang berpandangan Allah adalah penentu dan pelaksana kepada perbuatan manusia. Pandangan ini berikutan kefahaman terhadap *Qudrah* Allah yang meliputi perkara *mumkin* termasuklah takdir terhadap manusia. Keupayaan untuk melakukan sesuatu perbuatan oleh makhluk juga ternafi kerana makhluk terkadang berkuasa dan terkadang tidak.⁵¹ Aliran ini juga berpegang bahawa *Irādah* dan *Qudrah* Allah tidak tunduk kepada sesiapa pun. Tiada sesuatu yang menentu dan menetapkan hukum ke atas Allah dengan maksud kehendak dan kekuasaan Allah

⁵⁰ Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘īl al-Ash‘arī, *Kitāb al-Luma’ fī al-Rad ‘ala Ahl al-Ziyāgh wa al-Bida*’ (Kaherah: al-Maktabah al-Azharīyah li al-Turāth, t.t), 69. Lihat juga Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī, *‘Aqīdah Ahl al-Tauhīd Sharah al-‘Aqīdah al-Kubrā* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2006), 124.

⁵¹ ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, *Sharh al-Mawāqif*, 163.

adalah bersifat mutlak.⁵² Dia berhak melakukan apa sahaja yang dikehendaki dalam kerajaan-Nya walaupun secara zahir pada akal manusia dilihat buruk atau zalim, namun ia adalah adil di sisi Allah.⁵³

Walau bagaimanapun, teori *al-Kasb* ini mengandungi erti keaktifan dengan maksud manusia tetap dipertanggungjawabkan atas setiap perbuatan yang dilakukan dan dalam masa yang sama *al-Kasb* yang berada pada manusia tetap di bawah takluk perbuatan Allah. Walaupun segala perbuatan manusia telah ditentukan dan dikuasai oleh Allah, namun di sisi manusia tetap dikurniakan ikhtiar dan kehendak sama ada muhu melakukan ketaatan atau maksiat.⁵⁴

Perbuatan manusia tersebut juga merupakan ciptaan Allah, bukan ciptaan manusia sendirian. Bagi melahirkan sesuatu perbuatan, manusia hanyalah di pihak pelaku yang mempunyai *al-Kasb* iaitu pilihan dan usaha yang bukan bersifat mutlak, bahkan berada di bawah takluk *Irādah* Allah juga.⁵⁵ Segala perbuatan manusia merupakan pertemuan antara ikhtiar manusia dan perbuatan Allah berdasarkan takdir yang telah ditetapkan oleh-Nya. Hal ini seterusnya membawa para ulama membincangkan adakah perbuatan Allah juga baharu atau qadim? Menurut al-Jurjānī, oleh kerana makhluk adalah baharu, maka hubungan antara perbuatan Allah dengan makhluk juga adalah baharu.⁵⁶

Berbeza dengan aliran *al-Mu’tazilah*, *al-Ashā‘irah* berpegang bahawa tidak ada suatu pun kewajiban ke atas

⁵² Muḥammad Sa‘id Ramaḍān al-Būtī, *Hurriyyah al-Insān fī Zill ‘Ubūdiyyatihi li Allah* (Beirūt: Dār al-Fikr, 1992), 48-49. Harun Nasution, *Teologi Islam: Aliran, Sejarah Analisa Perbandingan*, 68

⁵³ Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī, *al-Ibānah ‘an Usūl al-Diyānah*, 155.

⁵⁴ Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘il al-Ash‘arī, *Kitāb al-Luma’ fi al-Rad ‘ala Ahl al-Ziyāgh wa al-Bida’*, 74-78.

⁵⁵ Abd Allah al-Harārī, ‘Umdah al-Gharīb fī Mukhtaṣar Bughayah al-Tālib’ (Beirūt: Dār al-Mashāri’, 2009), 44-45.

⁵⁶ ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, *Sharḥ al-Mawāqif*, 131-145.

Allah kerana kehendak dan kuasa-Nya adalah mutlak. Setiap perbuatan Allah tidak mempunyai tujuan iaitu sebab yang mendorong Dia melakukan sesuatu. Perbuatan Allah adalah bukan kerana kepentingan manusia atau tujuan lain, tetapi semata-mata kerana kekuasaan dan kehendak mutlak-Nya.⁵⁷

Lebih spesifik, al-Sanūsī menyatakan mustahil Allah melakukan sesuatu dengan *karāhah* (keterpaksaan) iaitu dengan tanpa *Irādah* -Nya. Terkandung di dalam kalimah *karāhah* tersebut empat perkara iaitu *dhuhul* (lalai), *ghaflah* (lupa),⁵⁸ *ta’līl* (kebersebaban)⁵⁹ dan *tabī’ah* (tabii)⁶⁰. Keempat-empat perkara ini ternafi pada kehendak dan perbuatan Allah dan semua yang berlaku pada perkara mumkin adalah dengan *Irādah* dan *Qudrat* Allah. Tambah Ibrāhīm al-Marighnī, *Ahl Sunnah wa al-Jamā’ah* telah membantah malah ada yang mengkafirkan golongan yang menyatakan bahawa perbuatan Allah adalah dengan jalan *ta’līl* dan *tabī’ah*.⁶¹

⁵⁷ *Ibid.*, 224.

⁵⁸ *Dhuhul* (lalai) ialah kehilangan sesuatu selepas berilmu dengannya. *Ghaflah* (lupa) pula lebih umum iaitu kehilangan sesuatu sama ada selepas berilmu atau tidak dengannya, kedua-duanya ternafi bagi *Irādah* Allah. Lihat, Ibrāhīm bin Ahmad al-Marighnī, *Tāli’ al-Busyrā ‘alā al-‘Aqīdah al-Šughrā* (Kuwait: Dār al-Diyā’, 2012), 103.

⁵⁹ *Ta’līl* ialah menjadikan sebahagian alam ini dengan asbab sebahagian makhluknya yang lain. Misalnya apabila digerakkan jari, ia menjadi sebab cincin yang berada di jari itu turut bergerak. Lihat Ibrāhīm bin Ahmad al-Marighnī, *Tāli’ al-Busyrā ‘alā al-‘Aqīdah al-Šughrā*, 103.

⁶⁰ *Tabī’ah* ialah menjadikan sebahagian alam ini dengan asbab tabiat sebahagian makhluknya. Misalnya tabiat api itu membakar. Kebakaran bukanlah daripada api secara hakikat, ia hanyalah adat kebiasaan sahaja. Api dan membakar keduanya adalah dengan kehendak dan ciptaan Allah. Ibrāhīm bin Ahmad al-Marighnī, *Tāli’ al-Busyrā ‘alā al-‘Aqīdah al-Šughrā*, 103.

⁶¹ Ibrāhīm bin Ahmad al-Marighnī, *Tāli’ al-Busyrā ‘alā al-‘Aqīdah al-Šughrā*, 102-104. Lihat juga Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī, *‘Aqīdah Ahl al-Tauhid Sharah al-‘Aqīdah al-Kubrā*, 125-132, Abd Allah al-Harārī, *Umdah al-Gharīb fī Mukhtaṣar Bughayah al-Tālib*, 41.

Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa menurut *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah*, fahaman *al-Qadariyyah* dan *al-Jabariyyah* bercanggah dengan nas al-Quran dan hadis Rasulullah SAW serta realiti yang wujud dalam kejadian manusia. Memang terdapat nas yang secara zahir kelihatan bertembung dan tidak selari maksudnya. Namun ia tidak boleh dijadikan alasan untuk merujuk kepada golongan yang bukan berkeahlian. Seharusnya ia dirujuk kepada penerangan Rasulullah SAW sebagai mengadili perselisihan tersebut. Cara lain yang turut membantu bagi mengetahui pengertian yang dikehendaki daripada nas-nas yang diperselisihkan ialah dengan kembali merujuk kepada pegangan para sahabat mengenai kefahaman mereka dalam perkara akidah.⁶² Hal ini kerana mereka lebih mengetahui pengertian tersebut berbanding orang lain.⁶³

Persoalan ini juga dapat dirungkaikan dengan merujuk kepada jawapan ulama muktabar seperti al-Ash‘arī yang menyatakan setiap ayat al-Quran tidak akan bercanggah antara satu sama lain.⁶⁴ Fahaman *al-Qadariyyah* dan *al-Jabariyyah* tidak selayaknya menjadi pegangan umat Islam kerana ia gagal untuk mengharmonikan antara ayat *al-jabr* dengan ayat *al-Ikhtiyār* seperti yang dilakukan oleh ulama akidah *al-Ashā’irah* daripada golongan *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah*.

⁶² ‘Abd al-Karīm Zaidān, *al-Imān bi al-Qaḍā’ wa al-Qadar wa Atharuhu fī Sulūk al-Insān*. Terj; Sidang Penterjemah Pustaka Salam, *Qada’ & Qadar Kesannya Terhadap Perilaku Manusia* (Kuala Lumpur: Pustaka salam, 2003), 19.

⁶³ Para sahabat lebih mengetahui bahasa al-Quran secara fitrah dan menyaksikan sendiri penurunan ayat-ayat tersebut. Mereka juga mempunyai pemikiran yang tajam, jiwa yang bersih dan iman yang mendalam diiringan kesungguhan untuk mengetahui pengertian-pengertian al-Quran. Lihat ‘Abd al-Karīm Zaidān, *al-Imān bi al-Qaḍā’ wa al-Qadar wa Atharuhu fī Sulūk al-Insān*, 20.

⁶⁴ Abū al-Hasan al-Ash‘arī, *al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah*, 141.

Rujukan

- Abū al-Yazīd Abū Zaid. *Al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah ‘Inda al-Fuqahā’ al-Arba‘ah*. Kaherah: Dār al-Salām, 2007.
- Abū Daud, Sulaimān ibn Asy‘ath. “Sunan Abī Daud.” Dalam *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Al al-Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām, 2000.
- Al-Asfahānī. *Al-Mufradāt fī Ghariib al-Qurān*. Beirūt: Dār al-Ma’rifah, t.t.
- Al-Ash‘arī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘il. *Al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah*. Dimasyq: Maktabah Dār al-Bayān, 1981.
- Al-Ash‘arī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘il. *Kitāb al-Luma’ fī al-Rad ‘ala Ahl al-Ziyāgh wa al-Bida’*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, t.t.
- Al-Ash‘arī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘il. *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*. Wiesbaden, Germany: Helmut Ritter Franz Steez House, 1980.
- Azmil Zainal Abidin, “Asas Keintelektualan Tradisi Kalam Ashā’irah: Suatu Analisis Metodologikal,” *Jurnal Usuluddin* 35 (2012), 1-24.
- Al-Baghdādī, Abd al-Qāhir bin Tāhir. *Al-Farq baina al-Firaq*. Beirūt: Dār al-Ma’rifah, 1997.
- Al-Baijūrī, Burhan al-Dīn Ibrāhīm. *Tuhfah al-Murīd Hāsyiah al-Baijūrī ‘alā Jauharah al-Tauhīd*. Kaherah: Dār al-Salām, 2015.
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramadān. *Hurriyyah al-Insān fī Zill ‘Ubūdiyyatihī li Allah*. Beirūt: Dār al-Fikr, 1992.
- Al-Ḥamd, Muḥammad ibn Ibrāhīm. *Al-Īmān bi al-Qadā’ wa al-Qadar*. Riyāḍ: Dār Ibn Khuzaymah, 2007.
- Al-Hamzānī, ‘Abd al-Jabbār. *Al-Mughnī fī Abwāb al-Tauhīd wa al-‘Adl*. Kaherah: Wazārat al-Irsyād al-Qawmī, t.t.
- Al-Harārī, Abd Allāh. ‘Umdah al-Gharīb fī Mukhtaṣar Bughayah al-Tālib. Beirūt: Dār al-Mashāri’, 2009.

Muhammad Hazim & Syed Mohammad Hilmi, "Keseimbangan al-Ashā'irah Dalam Pentafsiran Ayat *al-Jabr* dan Ayat *al-Ikhtiyār*," *Afkār* Vol. 20 Issue 1 (2018): 285-310

- Harun Nasution. *Teologi Islam: Aliran-aliran Sejarah Analisa Perbandingan*. Jakarta: Yayasan Penerbit Universitas Indonesia, 1972.
- Hasan, Muhammad. *Al-Īmān bi al-Qadā' wa al-Qadar*. Mesir: Maktabah Fayyad, 2007.
- 'Imārah, Muhammad. *Tayyarāt al-Fikr al-Islām*. Kaherah: Dār al-Syurūq, 2011.
- Al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad. *Sharḥ al-Mawāqif*. Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998.
- Al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad. *Kitāb al-Ta'rīfāt*. Singapura: al-Haramain, 1980.
- Kane, Robert. *A Contemporary Introduction To Free Will*. New York: Oxford University Press, 2005.
- Al-Marīghnī, Ibrāhīm bin Aḥmad. *Tāli' al-Busyrā 'alā al-'Aqīdah al-Šughrā*. Kuwait: Dār al-Ḍiyā', 2012.
- Al-Maydānī, 'Abd al-Rahmān Ḥasan Ḥabannakah. *Al-'Aqīdah al-Islāmiyyah wa Ususuhā*. Beirūt: Dār al-Qalam, 1979.
- Muhammad bin 'Abd al-'Azīz al-Shai', Arā' Ibn Hajar al-Haitamī al-Itiqadiyyah. Riyāḍ: Maktabah Dār al-Minhāj, 2007.
- Muṣṭafā Dīb al-Bughā. *Nizām al-Islām fī al-'Aqīdah wa al-Akhlāk wa al-Tasyrī*. Damsyiq: Dār al-Muṣṭafā: 2006.
- Muṣṭafā Sa'id al-Khan dan Muhyī al-Dīn Dīb Mistū. *Al-'Aqīdah al-Islāmiyyah: Arkānuhā - Haqāiquhā - Mufsidātuhā*. Damsyiq: Dār al-Kalim al-Ṭayyib, 1999.
- Al-Nawawī, Abū Zakaria Muhyī al-Dīn bin Sharaf. *Sharḥ al-Nawawī 'alā Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, 1392H.
- Nukman Abbas. *Al-Asy'ari (874 – 935 M) Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*. Jakarta: Penerbit Erlangga, 2002.
- Al-Qarādawī, Yūsuf. *Al-Īmān bi al-Qadar*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2000.
- Al-Qarah Daghi. 'Alī Muhyī al-Dīn Al-'Aqīdah al-Islāmiyyah. Rabat: ISESCO, 1995.

Muhammad Hazim & Syed Mohammad Hilmi, “Keseimbangan al-Ashā’irah Dalam Pentafsiran Ayat *al-Jabr* dan Ayat *al-Ikhtiyār*,” *Afkār* Vol. 20 Issue 1 (2018): 285-310

- Al-Qārī, Nūr al-Dīn Alī. *Dai' al-Ma`ālī `Alā Manzūmah Bad' al-Amālī*, tahqiq Abd al-Salām bin Abd al-Hādī. Dimashq: Dār al-Bayrūtī, 2011.
- Said Haji Ibrahim, *Perbandingan Aqidah dan Fahaman Umat Islam*. Kuala Lumpur: Dar al-Ma’rifah, 1997.
- Şāliḥ Maḥmūd, ‘Abd al-Raḥmān. *Al-Qadā’ wa al-Qadar fī Daw’ al-Kitāb wa al-Sunnah*. Kūwait: Dār al-Waṭān, 1997.
- Al-Sanūsī, Abū Abd Allāh Muḥammad bin Yūsuf. *‘Aqīdah Ahl al-Tauhīd Sharḥ al-‘Aqīdah al-Kubrā*. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2006.
- Al-Shahrastānī, Abū al-Faṭḥ Muḥammad ibn ‘Abd al-Karīm. *Al-Milal wa al-Nihāl*. Kaherah: Mu‘assasat al-Halabī, 1968.
- Zaydān, ‘Abd al-Karīm. *Al-Īmān bi al-Qadā’ wa al-Qadar wa Atharuhu fī Sulūk al-Insān*. Terj; Sidang Penterjemah Pustaka Salam, *Qada’ & Qadar Kesannya Terhadap Perilaku Manusia*. Kuala Lumpur: Pustaka salam, 2003.